



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN,
MALAYSIA**



SURAT PEKELILING JPS BIL. 1 TAHUN 2014

**PEMATUHAN PENGGUNAAN GARISPANDUAN ‘TECHNICAL
GUIDE FOR ESTIMATION OF FUTURE DESIGN RAINSTORM
UNDER THE CLIMATE CHANGE SCENARIO IN PENINSULAR
MALAYSIA’ UNTUK SEMUA PROJEK REKABENTUK JPS**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pemakaian garispanduan “*Estimation of Future Design Rainstorm under the Climate Change Scenario in Peninsular Malaysia*” untuk semua projek rekabentuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang telah dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

LATAR BELAKANG

2. NAHRIM telah mengeluarkan satu garispanduan yang bertajuk *Estimation of Future Design Rainstorm under the Climate Change Scenario in Peninsular Malaysia* yang mengandungi nilai pembolehubah (variable) 'Climate Change Factor' (CCF).
3. Pembolehubah CCF ini amat penting untuk dipertimbangkan didalam semua rekabentuk struktur tebatan banjir bagi memastikan rekabentuk tersebut mampu mengadaptasi faktor perubahan cuaca pada masa hadapan. Perubahan cuaca ialah perubahan cuaca ekstrim yang boleh mengakibatkan kejadian banjir besar atau kemarau di sesuatu kawasan.
4. Mesyuarat Direktorat Bilangan 3 Tahun 2013 telah memutuskan untuk menggunakan garis panduan ini di dalam semua projek yang dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang mengambilkira perkara-perkara berikut:
 - i. Struktur kekal seperti pembetung, pintu kawalan saliran dan jambatan perlu direkabentuk dengan mengambilkira CCF; dan
 - ii. Struktur bukan kekal seperti levee sungai perlu direkabentuk dengan menyemak kecukupan freeboard berdasarkan kiraan menggunakan CCF.

5. Oleh yang demikian, semua Terma Rujukan pelantikan perunding bagi projek-projek JPS pada masa akan datang perlu mengambil kira garis panduan ini.


TARIKH KUATKUASA

6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

7. Surat Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua projek rekabentuk JPS yang dilaksanakan di Daerah, Projek dan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK IR. HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)

Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

2 | Mac 2014